



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **14 Oct 2020 (Rabu)**

#### **Berita Harian**

SOP PKPB lebih ketat di Sabah 1

#### **Utusan Malaysia**

Penduduk semenyih 'penat' hadapi masalah bekalan air 2

Fastrexs kongsi rezeki 3

#### **Harian Metro**

Izin enam jemaah solat 4

PKP BERSYARAT WP KUALA LUMPUR, SELANGOR & WP PUTRAJAYA 5

#### **Sinar Harian**

Jangkitan Covid-19 makin serius 6

Perlu surat kebenaran rentas daerah 7

JAIS tangguh solat Jumaat, solat fardhu berjemaah di masjid 8

Pusat Pakaian Hari-Hari jadi penaja utama NCBL 9

#### **Astro Arena**

MB selangor Harap Pertimbangan Semula MKN 10

#### **Selangor TV**

733 Individu Disaring, Lima Positif Tidak Bergejala 11

Kerajaan Negeri Beri Cadangan, Keputusan Dibuat Persekutuan 12

Piala Kejuaraan Menteri Besar Selangor Rebutan Peserta NCBL 13

Saringan Bersasar Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz 14

#### **The Star**

Dine in vital, say eatery owners 15

'We have enough food supply' 16

#### **New Straits Times**

Right call to impose CMCO says PM 17

#### **Sin Chew Daily**

Selangor State Assembly will be held on 2nd November, members and the media no longer need to be tested 18

#### **Oriental Daily**

Implementation of CMCO because the government doesn't want people to lose their lives 19

Lim Yi Wei recovers and returns to work next week 20

Lim Guan Eng: General election is not suitable during pandemic 21

#### **Guang Ming Daily**

45 resident associations from Sepang City urge government to revise laws and punish river polluters strictly 22

CMCO triggered panic in Selangor, KL and Putrajaya; 2 DAP state legislative assemblymen criticise MKN's unprofessional conduct 23

#### **Malaysia Nanban**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Kuala Selangor, Sabak Bernam safe from Covid-19  
39,798 people infected with Dengue in Selangor!

24  
25



## KERATAN AKHBAR

### 14 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	SOP PKPB lebih ketat di Sabah
Muka Surat	:	5

#### Penulanan COVID-19



Orang ramai membeli barangan keperluan di sebuah pasar raya di Bangsar berikutan pelaksanaan PKPB di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya bagi menangani penulanan COVID-19.  
 (Foto Asyraf Hamzah/BH)

# SOP PKPB lebih ketat di Sabah

Separuh kawasan negeri diisytihar merah berbanding Selangor

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Sophia Ahmad  
 bhnews@bh.com.my



Ismail Sabri Yaakob

**Putrajaya:** Prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) lebih ketat di Sabah berbanding yang dilaksanakan di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya adalah disebabkan situasi penulanan berbeza serta tindakan proaktif diambil bagi mengelak penulanan ke kawasan lain.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata keadaan penulanan di seluruh Sabah jauh berbeza dengan keadaan di seluruh Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Di Sabah hampir separuh kawasan negeri sudah diisytiharkan merah dan di Selangor ini adalah tindakan proaktif kerajaan bagi menyekat penulanan itu daripada terus berlaku kerana beberapa kawasan mempunyai trend kenaikan dan ki-

ta bimbang ia merebak ke daerah dan kawasan lain. "Sebab itulah kalau kita lihat (SOP di) Sabah jauh lebih ketat berbanding di Selangor," katanya pada sidang media semalam.

Beliau berkata, semua yang diumumkan sudah dibincangkan dengan terperinci dengan Majlis Keselamatan Negeri (MKN) Sabah dan kerajaan negeri serta dengan persetujuan bersama.

Justeru, beliau berharap semua pihak yang berada dalam kawasan PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dapat mematuhi SOP yang ditetapkan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, orang awam dan pengguna jalan raya yang perlu merentasi Selangor untuk ke destinasi di utara atau selatan perlu mendapatkan kebenaran

Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ia bagi mengelak kesulitan apabila mereka melalui sekatan jalan raya yang akan diadakan di sempadan negeri dan wilayah terbitan dengan PKPB bermula tengah malam tadi hingga 27 Oktober ini.

"Mereka yang berkereta dari Johor hendak ke Kedah, walaupun menggunakan Lebuh Raya Utara Selatan, mereka perlu menyeberangi Selangor. Tentu saja ada sekatan jalan raya di sempadan. Kita nasihatkan supaya dapatkan kebenaran daripada balai polis atau pondok polis berhampiran sebelum memulakan perjalanan bagi mengelakkan kesulitan sewaktu melalui sekatan jalan raya.

"Kita cadangkan supaya PDRM benarkan guna perkhidmatan dalam talian untuk permohonan itu. Perkaranya sama juga terpakai terhadap individu dari luar kawasan yang perlu menggunakan perkhidmatan pengangkutan udara dengan lapangan terbang yang berada di kawasan terbitan dengan PKPB di Lembah Klang," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri berkata, kebanyakan SOP yang diumumkan semalam sudah sedia ada dalam tatacara PKPB sebelum ini.

#### Antara Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuat kuasa dalam kawasan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai tengah malam tadi hingga 27 Oktober

##### KAWALAN PERGERAKAN

- » PDRM kawal kawasan tempat jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.
- » Hanya dua orang dibenarkan keluar dari rumah untuk beli makanan atau keperluan lain.
- » Individu berisiko tinggi dan kanak-kanak tidak digalakkan keluar ke tempat awam, terbuka dan sesak.
- » Pergerakan keluar masuk rentas daerah dan negeri yang melibatkan kawasan PKPB adalah tidak dibenarkan kecuali bagi:
  - Kes kecemasan seperti sakit dan pengurusan jenazah di luar daerah adalah dibenarkan tetapi perlu mohon pergerakan kepada PDRM.
  - Pekerja dibenarkan rentas daerah dan negeri dengan syarat ada pas pekerja yang sah atau surat kebenaran majikan. Bagi pekerja dalam daerah sama, tidak perlu kemukakan surat majikan atau pas pekerja. Kerajaan galak majikan benarkan pekerja mereka bekerja dari rumah (work from home).
  - Bagi yang perlu melalui Selangor dan Kuala Lumpur untuk ke negeri lain, mereka perlu dapatkan kebenaran balai polis berhampiran sebelum perjalanan.
  - Individu yang menggunakan pergerakan udara melalui KLIA, KLIA2 dan Subang, juga perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.

##### AKTIVITI EKONOMI DALAM KAWASAN PKPB

- » Semua aktiviti perniagaan, ekonomi dan industri boleh beroperasi.
- » Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (food truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kios, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi mulai 6 pagi hingga 10 malam.
- » Pembelian digalakkan secara pandu lalu, penghantaran (delivery) atau take-away sahaja. Makan di premis (dine in) dibenarkan tetapi terhad 2 orang pada 1 meja dengan pematuhan.

##### SOP SEKTOR MAKANAN

- » Pasar harian dibuka jam 6 pagi - 2 petang
- » Pasar borong dibuka antara 4 pagi - 2 petang
- » Pasar tani - 6 pagi - 12 tengah hari
- » Pasar malam - 4 petang - 10 malam
- » Operasi pasar tani dan pasar malam perlu patuhi SOP ketat dengan kawalan anggota RELA.
- » Operasi stesen minyak di antara 6 pagi hingga 10 malam (Kecuali di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam)
- » Pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT, teksi/ e-hailing dibenarkan beroperasi.
- » Perkhidmatan teksi/ e-hailing, (maksimum 2 penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 12 tengah malam.
- » Kenderaan bawa pekerja, boleh bawa penumpang seperti ditetapkan sebelum ini.

##### PERUBATAN DAN KESIHATAN

- » Waktu operasi klinik, hospital Kerajaan dan swasta dibenarkan 24 jam.
- » Farmasi dan kedai ubat-ubatan mulai 8 pagi - 11 malam.

##### SEKTOR EKONOMI DAN INDUSTRI

- » Aktiviti ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti ditetapkan dengan SOP
- » Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan, perkilangan yang dibenarkan boleh beroperasi seperti biasa termasuk merentas daerah dan negeri.

##### PERIKANAN, PERLADANGAN DAN PERTANIAN

- » Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan dibenarkan beroperasi.

##### PELABUHAN DAN LAPANGAN TERBANG

- » Aktiviti dan perkhidmatan semua lapangan terbang dan pelabuhan dibenarkan beroperasi.

##### AKTIVITI KEAGAMAAN

- » Mesyuarat bersejajir cadangan masjid membenarkan azan dan mendirikan solat lima waktu dengan kehadiran 6 jemaah ditentukan jawatankuasa masjid termasuk imam.
- » Pengurusan dan petugas semua rumah ibadat bukan Islam dibenarkan seramai 6 orang sahaja.
- » Cadangan ini akan dibawa kepada JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Selangor untuk dipertimbangkan.
- » Keputusan lanjut akan diumumkan JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dalam masa terdekat.

##### AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- » Semua aktiviti riadah, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. Aktiviti hiburan termasuk kelab malam atau pub, pusat rekreasi, taman tema, indoor playground dan panggung wayang tidak dibenarkan.

##### AKTIVITI SUKAN

- » Aktiviti sukan secara individu, e-sports, sukan yang tidak bersentuhan dan sukan outdoor tidak melebihi 10 orang adalah DIBENARKAN.
- » Aktiviti kolam renang, bersentuhan fizikal, sukan bertempur dan penganjuran sukan/kejuhanan TIDAK DIBENARKAN.
- » Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri TIDAK DIBENARKAN.
- » Bagi program latihan berpusat yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri boleh diteruskan secara Quarantine Based Approach seperti yang dilaksanakan di Kompleks Majlis Sukan Negara Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia Bukit Kiara dan Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg Pandan.

##### PENDIDIKAN

- » Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tahfiz dan pusat jaja kanak-kanak ditutup dalam tempoh ini.
- » Bagi pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil peperiksaan dengan institusi pengajian luar negara, dibenarkan hadir menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

##### SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN

- » Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE) tidak dibenarkan. Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

##### MESYUARAT

- » Mesyuarat perlu diadakan secara sidang video, manakala mesyuarat secara bersemuka tidak digalakkan.

##### PENGANJURAN MAJLIS KERAMAHAN

- » Mesyuarat rasmi dan tidak rasmi kerajaan serta swasta, majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahli, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion dan lain-lain majlis sosial adalah tidak dibenarkan.

##### PELANCONGAN

- » Semua aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB adalah tidak dibenarkan



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 14 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk semenyih 'penat' hadapi masalah bekalan air
Muka Surat	:	19



**PENDUDUK** terpaksa menunggu bekalan air bersih bagi kegunaan harian.

## Penduduk Semenyih 'penat' hadapi masalah bekalan air

### SAUDARA PENGARANG,

**KRISIS** air yang dihadapi penduduk di sekitar Semenyih sudah berlanjutan sejak lebih 10 tahun lalu.

Pada awal krisis dahulu, kami terpaksa membentuk sebuah jawatan kuasa bertindak untuk mengatasinya.

Hampir setiap hari selama lima tahun, masalah bekalan air berlaku di lebih 30 lokasi di kawasan itu.

Kami mengetahui kelemahan dan juga cara mengatasinya tetapi ia tidak ditangani dengan sebaiknya.

Sebagai contoh, sebuah kilang yang mencemari Sungai Semenyih pada 2016 telah disita atas arahan Menteri Besar Selangor ketika itu. Namun, sehingga ke hari ini pengusaha kilang itu masih belum didakwa di mahkamah.

Dengan apa yang berlaku, tidak menghairankan apabila kilang-kilang mahupun orang perseorangan masih berani mencemari sungai.

Justeru, tindakan tegas perlu segera diambil kerana ia melibatkan kesihatan awam. Jangan beri muka kepada pemilik kilang tersebut kerana penduduk sudah sengsara dan 'penat' dengan perkara yang berlaku tanpa kesudahan ini.

**PENDUDUK SEMENYIH**  
Selangor



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 14 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Fastrexs kongsi rezeki
Muka Surat	:	22

Oleh **SHAFIQAH SHUKOR**  
 shafiqah.shukor@mediamula.com.my

**M**ENERUSKAN kelangsungan hidup tanpa suami tidak semudah disangka. Situasi pandemik Covid-19 melanda dunia sedikit sebanyak menambah derita bagi wanita bergelar ibu tunggal.

Menyedari kesukaran dilalui, mendorong aplikasi penghantaran makanan patuh syariah atas atas talian, Fastrexs menghulur bantuan kepada 30 ibu tunggal memulakan perniagaan memasak di rumah atau *home kitchen*.

Ketua Pegawai Pemasaran Fastrexs, **Rusmad Norhady Mohamad** berkata, menerusi bantuan itu, wanita berpeluang memasarkan produk makanan mereka apabila mendaftar dengan Fastrexs.

"Mereka akan didedahkan bagaimana penyediaan makanan beroperasi berkonsepkan patuh syariah sebelum terlibat secara langsung. Peluang ini sekali gus membantu mereka menjana pendapatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada 30 ibu tunggal di Cyberjaya baru-baru ini. Majlis turut diadakan untuk merasmikan ibu pejabat Syarikat Fastrexs Sdn. Bhd.

Aplikasi dibangunkan anak tempatan itu berfungsi memastikan tiada lagi keraguan bagi masyarakat Muslim membuat tempahan makanan. Malah ia menjamin makanan dipesan pelanggan tidak bercampur dengan bukan halal dalam satu kotak penghantaran.

Rusmad berkata, syarikat

30 ibu tunggal terima bantuan mulakan perniagaan

# Fastrexs kongsi rezeki



**KETUA** Pegawai Eksekutif FASTREXS, Jeyarajan a/l Sri Rama (belakang, dua dari kiri) bersama ADUN Dengkil, Adhif Syan Abdullah (belakang, tengah) bergambar dengan sebahagian ibu tunggal yang menerima sumbangan dalam Majlis Perasmian Pejabat FASTREXS di Wisma Suria, Cyberjaya, baru-baru ini. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

turut menawarkan mana-mana persatuan wanita dan belia sekitar Cyberjaya menyertai mereka sebagai vendor atau penghantar makanan.

"Pihak yang berminat akan diberi kursus percuma berhubung kelas patuh syariah dan penghantaran makan secara patuh syariah secara percuma," katanya.

### SYUKUR

Ibu tunggal kepada enam orang anak, **Hallijah Khalid** bersyukur atas peluang diberikan Fastrexs dan mengakui konsep Home Kitchen membantu mereka memperoleh sumber pendapatan.

"Saya harap dengan adanya



**HALLIJAH KHALID**

platform ini akan lebih membantu saya kerana boleh membuat perniagaan di dalam rumah," katanya.

Beliau selaku wakil



**RUSMAD NORHADY**

Persatuan Usahanita berkata, peluang ditawarkan Fastrexs bagaikan mengantuk disorongkan bantal.

"Peluang ini patut diambil

oleh semua ibu tunggal kerana ia menyediakan kelebihan seperti pendaftaran sebagai vendor, kelas dan geran percuma bagi memulakan perniagaan sendiri," katanya.

Pandangan sama dilontarkan ibu tunggal, **Siti Marzuana M Shariff**.

Ibu kepada dua orang cahaya mata itu berkata, sekiranya mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata memang sukar kerana menuntut masa lama dalam proses permohonan.

"Aplikasi berkonsepkan masak di rumah ini memudahkan. Saya tidak perlu terkejar-kejar untuk membuat banyak perkara dalam satu masa," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

14 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Izin enam jemaah solat
Muka Surat	:	5

# Izin enam jemaah solat

**Kuala Lumpur:** Enam jemaah sahaja dibenarkan menunaikan solat lima waktu di masjid di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula hari ini.

Bagaimanapun, kerajaan membenarkan laungan azan dibuat bagi mengimarahkan masjid.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, enam jemaah itu ditentukan jawatan kuasa

masjid termasuk imam.

“Bagaimanapun, cadangan ini dibawa ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa agama negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah dan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj untuk diperkenankan.

“Keputusan diumumkan Jakim dan pihak berkuasa agama Selangor dalam masa terdekat,” katanya.



## KERATAN AKHBAR

### 14 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	PKP BERSYARAT WP KUALA LUMPUR, SELANGOR & WP PUTRAJAYA
Muka Surat	:	6

#### PKP BERSYARAT WP KUALA LUMPUR, SELANGOR & WP PUTRAJAYA

14 HINGGA 27 OKTOBER 2020

##### ■ AKTIVITI EKONOMI DALAM KAWASAN PKPB

- Semua aktiviti perniagaan, ekonomi dan industri **boleh beroperasi**.
- Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (food truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka **dibenarkan beroperasi** antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- Pembelian makanan digalakkan secara **pandu lalu, penghantaran (delivery)** atau **take-away** sahaja. Walaubagaimanapun makan dipremis makanan (dine in) adalah **dibenarkan** namun ianya terhad kepada **2 orang 1 meja** dengan pematuhan SOP Sektor Makanan.
- Operasi pasar harian adalah antara **6.00 pagi hingga 2.00 petang** sahaja.
- Operasi pasar borong adalah antara **4.00 pagi hingga 2.00 petang** sahaja.
- Operasi pasar tani adalah antara **6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**
- Operasi pasar malam adalah antara **4.00 petang hingga 10.00 malam**  
Walaubagaimanapun operasi pasar tani dan pasar malam perlu mematuhi SOP ketat yang telah pun ditetapkan dan perlu dengan pengawasan anggota RELA.
- Waktu operasi Stesen Minyak adalah antara **6.00 pagi hingga 10.00 malam** (kecuali pengoperasian Stesen Minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam)
- Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas Ekspres, LRT, teksi/ e-hailing **dibenarkan beroperasi**. Perkhidmatan teksi/ e-hailing, (maksimum hanya 2 orang penumpang) dan penghantaran makanan **dibenarkan beroperasi** dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
- Bagi kenderaan yang membawa pekerja, mereka **boleh membasuh penumpang** seperti yang telah ditetapkan sebelum ini.

##### ■ PERUBATAN DAN KESIHATAN

- Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta **dibenarkan secara 24 jam**.
- Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan **beroperasi mulai 8.00 pagi hingga 11.00 malam**.

##### ■ SEKTOR EKONOMI DAN INDUSTRI

- Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB **berjalan seperti yang ditetapkan** dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.
- Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan, perkilangan yang **dibenarkan boleh beroperasi** seperti biasa termasuk merentas daerah dan negeri.

##### ■ PERIKANAN, PERLADANGAN DAN PERTANIAN

- Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan **dibenarkan beroperasi**.

##### ■ PELABUHAN DAN LAPANGAN TERBANG

- Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **dibenarkan beroperasi**.

##### ■ PENDIDIKAN

- Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tahfiz dan pusat jagaan kanak-kanak **ditutup** dalam tempoh ini.  
Walaubagaimanapun bagi pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil peperiksaan dengan institusi pengajian luar negara, mereka **dibenarkan untuk hadir** menduduki peperiksaan sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

##### ■ AKTIVITI KEAGAMAAN

- Mesyuarat bersetuju mencajarkan bagi mengimarahkan **masjid** untuk **membenarkan azan** dan mendirikan solat lima waktu dengan **kehadiran 6 orang Jemaah** yang ditentukan oleh jawatankuasa masjid termasuk Imam.
- Manakala pengurusan dan petugas di semua rumah ibadat **bukan Islam dibenarkan seramai 6 orang sahaja**.  
Walaubagaimanapun cadangan ini akan dibawa kepada JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk diperkenankan.  
Keputusan lanjut akan diumumkan oleh JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dalam masa terdekat.

##### ■ AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- Semua aktiviti riadah, rekreasi dan budaya adalah **tidak dibenarkan**.
- Aktiviti hiburan termasuk kelab malam atau pub, pusat rekreasi, taman tema, indoor playground dan panggung wayang adalah **tidak dibenarkan**.

##### ■ AKTIVITI SUKAN

- Aktiviti sukan secara individu, e-sports, sukan yang tidak bersentuhan dan sukan outdoor yang tidak melebihi **10 orang** adalah **dibenarkan**.
- Aktiviti kolam renang, bersentuhan fizikal, sukan bertempur dan penganjuran sukan/kejujangan **tidak dibenarkan**.
- Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri **tidak dibenarkan**.
- Bagi program latihan berpusat yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri **boleh diteruskan** secara *Quarantine Based Approach* seperti yang dilaksanakan di Kompleks Majlis Sukan Negara Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia Bukit Kiara dan Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg Pandan.

##### ■ SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN

- Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* **tidak dibenarkan**.
- Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan latihan sahaja.

##### ■ MESYUARAT

- Mesyuarat perlu diadakan secara **sidang video** manakala mesyuarat secara bersemuka adalah **tidak digalakkan**.

##### ■ PENGANJURAN MAJLIS KERAMAIAAN

- Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlii, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion dan lain-lain majlis sosial adalah **tidak dibenarkan**.

##### ■ PELANCONGAN

- Semua aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB adalah **tidak dibenarkan**.





## KERATAN AKHBAR

14 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Jangkitan Covid-19 makin serius
Muka Surat	:	4

## Jangkitan Covid-19 makin serius

**AWANG** macam orang lain juga, naik cemas dengan keadaan jangkitan Covid-19 di Malaysia. Hari semalam, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah umumkan 660 kes baharu. Ini merupakan kes harian yang kedua tertinggi dalam sejarah negara. Daripada jumlah itu hanya dua kes import.

Jumlah kes keseluruhan dah jejak 16,880. Memang patut pun rakyat risau. Kita semua tahu punca penularan Covid-19 baharu yang menakutkan ini, antara lain ialah Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Rakyat jangka kita dah hampir berjaya melawan Covid-19. Angka mereka yang terjejas pun dah jadi kecil. Kita bangga sebab kawalan yang kita buat membuahkan kejayaan. Tapi dengan jumlah peningkatan terbaru, segala usaha kita jadi macam sia-sia.

Mulai hari ini, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan melalui Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) selain Sabah. Seramai 12.3 juta rakyat akan terlibat atau satu pertiga penduduk negara ini.

Menteri Besar Selangor ada timbulkan soal tindakan kerajaan Pusat dalam isu ini. Memang sepatutnya kerajaan Selangor diajak berbincang hal itu. Kata Menteri Besar, patutnya tumpuan dibuat pada kawasan zon merah atau kuning. Tapi nampaknya seluruh negeri terpaksa berada dalam 'kurungan'.

Awang faham kesannya pada negeri Selangor. Ekonomi yang dah teruk akan jadi lebih buruk. Lebih ramai rakyat Selangor akan hilang pekerjaan. Tapi Selangor juga terpaksa fikirkan aspek keselamatan penduduknya.

Kata orang inilah keadaan ditelan mati mak, diluahkan mati bapak.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>14 October 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Perlu surat kebenaran rentas daerah
Muka Surat	:	12

# Perlu surat kebenaran rentas daerah

Individu bertugas di Selangor, KL, Putrajaya dibenarkan rentas daerah, negeri dengan surat kebenaran

## KUALA LUMPUR

Individu yang bertugas dibenarkan merentas daerah dan negeri dengan syarat mempunyai pas pekerja yang sah atau surat kebenaran daripada majikan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bagi yang perlu melalui Selangor dan Kuala Lumpur ke negeri lain mereka dinasihatkan mendapatkan kebenaran daripada balai polis berhampiran sebelum membuat perjalanan.

"Bagi pekerja dari dalam daerah yang sama, mereka tidak perlu mengemukakan surat majikan atau pas pekerja. Individu yang menggunakan pergerakan udara melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lum-



Individu yang bekerja di luar daerah perlu mempunyai pas pekerja yang sah atau surat kebenaran daripada majikan.

pur (KLIA), KLIA2 dan Subang, mereka juga perlu mendapatkan kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia.

"Bagaimanapun, kerajaan menggalakkan majikan membenarkan pekerja-pekerja mereka untuk bekerja dari rumah," katanya pada sidang media secara maya menerusi Facebook Kementerian Pertahanan.

Ismail Sabri dalam sidang akhbar kelmarin mengumum-

kan pelaksanaan PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berkuat kuasa jam 12.01 tengah malam 14 Oktober hingga 27 Oktober selepas mendapat nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan mengambil kira peningkatan kes serta penularan Covid-19 seperti di Klang, Daerah Petaling serta Gombak.

Bagi aktiviti keagamaan, Ismail Sabri berkata, mesyuarat

bersetuju membenarkan laungan azan dan solat berjemaah diadakan dengan kehadiran enam orang jemaah yang ditentukan jawatankuasa masjid termasuk Imam.

"Bagaimanapun, cadangan ini akan dibawa kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa agama negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah untuk dipertimbangkan.

"Keputusan lanjut akan diumumkan Jakim dan pihak berkuasa agama negeri Selangor dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu, mengenai aktiviti ekonomi dalam kawasan PKPB, Ismail Sabri berkata, restoran, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, gerai makan tepi jalan atau kios, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara jam 6 pagi hingga 10 malam berbanding kebenaran beroperasi sehingga 2 pagi se-

belum ini.

"Pembelian makanan digalakkan secara pandu lalu, penghantaran atau *take away* sahaja. Bagaimanapun, makan di premis makanan adalah dibenarkan namun terhad kepada dua orang satu meja dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sektor makanan.

"Operasi pasar harian adalah antara jam 6 pagi hingga 2 petang sahaja, operasi pasar borong adalah antara jam 4 pagi hingga 2 petang sahaja, operasi pasar tani antara jam 6 pagi hingga 12 tengah hari manakala operasi pasar malam antara jam 4 petang hingga 10 malam," katanya.

Memperincikan perkara itu, Ismail Sabri berkata, operasi pasar tani dan pasar malam perlu mematuhi SOP ketat yang telah ditetapkan dan perlu pengawasan anggota Jabatan Suka-relawan Malaysia.

Bagi operasi stesen minyak di kawasan PKPB, Ismail Sabri berkata, ia dibenarkan beroperasi dari 6 pagi hingga 10 malam kecuali stesen minyak di lebuhraya yang dibenarkan beroperasi 24 jam. - *Bernama*



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>14 October 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS tangguh solat Jumaat, solat fardhu berjemaah di masjid
Muka Surat	:	23

## JAIS tangguh solat Jumaat, solat fardhu berjemaah di masjid

**SHAH ALAM** - Tiada solat Jumaat dan solat fardhu berjemaah serta pengimarah masjid dan surau dijalankan di Selangor sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula hari ini hingga 27 Oktober.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Shahzihan Ahmad berkata, keputusan tersebut dibuat selaras dengan penguatkuasaan PKPB di Selangor bagi mengekang penularan kes Covid-19 daripada terus menular dalam kalangan masyarakat.


Menurutnya, penangguhan tersebut akan melibatkan sebanyak 425 masjid, 278 surau Jumaat dan 1,747 surau.

“JAIS membuat keputusan serta menetapkan semua pentadbir masjid dan surau seluruh Selangor untuk menangguhkan solat Jumaat dan solat fardhu lima waktu berjemaah serta aktiviti pengimarah lain,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

